

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

### **Sime Darby Property Menghayati, Mendorong dan Menjayakan Praktik Kemampunan Menerusi Kempen Jom Raya**

- Syarikat menganjurkan program pengumpulan fabrik terpakai terbesarnya dengan sasaran mencapai sejumlah 72 tan metrik bahan kitar semula ini di sepanjang tahun 2024;
- Pelbagai aktiviti pembangunan komuniti termasuk Jom Masak & Distribute Bubur Lambuk, Jom Sahur Together dan Jom Shopping Raya Bazaar akan berlangsung di perbandaran-perbandaran Syarikat yang terpilih.

**PUTRA HEIGHTS, 18 MAC 2024** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah menerapkan kemampunan sebagai asas bagi sambutan Ramadan dan Hari Raya pada tahun ini, yang juga berfokuskan kepada pengalaman-pengalaman yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sejajar dengan rangka kerja kelestarian utamanya untuk mewujudkan komuniti yang cekal, Sime Darby Property telah mengaktifkan kempen Jom Raya-nya dengan inisiatif *Go Green – Let’s Celebrate Raya Sustainably* untuk menjayakan program pengumpulan fabrik yang terbesar dianjurkan oleh Syarikat.

Sime Darby Property percaya bahawa inisiatif ini akan menyedarkan komuniti mengenai cara penyingkiran sisa pakaian dan fabrik yang sesuai untuk memanfaatkan alam persekitaran, dan berhasrat untuk mengumpul sebanyak 72 tan metrik bahan kitar semula ini di sepanjang 2024 sebagai langkah mengurangkan sisa di tapak pelupusan.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata, “Bulan Ramadan sememangnya berfokuskan kepada kesederhanaan dan ini merupakan peluang yang baik untuk kita menggalakkan amalan-amalan kelestarian. Dalam mengurangkan salah satu punca pencemaran alam, kami percaya bahawa inisiatif ini boleh membantu ekonomi kitaran tekstil dengan pelanjutan jangka hayat serta pengurangan jejak karbonnya.”

Inisiatif ini akan bermula dengan program-program pengumpulan fabrik yang berlaku serentak di The Glades Plaza di Putra Heights, Galeri Jualan Bandar Serenia, KL East Mall dan Galeri Jualan KL East untuk mendorong komuniti di perbandaran-perbandaran terpilih untuk menghayati amalan-amalan kelestarian di bulan Ramadan.

Sime Darby Property menjayakan usaha ini dengan sokongan dan kerjasama Kloth Circularity (dahulunya dikenali sebagai Kloth Cares) untuk memastikan bahawa fabrik yang dikumpul menerusi inisiatif ini boleh digunakan semula menerusi saluran-saluran yang lain.

“Secara am, *upcycling* fabrik merupakan satu langkah yang bertanggungjawab untuk menguruskan pakaian dan tekstil. Ia memanfaatkan alam persekitaran, membantu usahawan tempatan, dan membenarkan ekspresi kreatif, di samping menyelamatkan planet kita. Menerusi inisiatif ini, kita dapat sedar bahawa *mindful consumption* dan rasa bertanggungjawab ke atas alam persekitaran boleh seiring dengan tradisi-tradisi Ramadan yang dihargai,” kata Datuk Lai.

Bermula 16 Mac sehingga 31 Mac 2024, pelbagai aktiviti pembangunan komuniti termasuk Jom Masak & Distribute Bubur Lambuk, Jom Sahur Together dan Jom Shopping Raya Bazaar akan berlangsung di perbandaran-perbandaran Sime Darby Property yang terpilih seperti Putra Heights, KL East, Bandar Bukit Raja, Subang Jaya City Centre dan Nilai Impian.

Selebriti-selebriti seumpama Dato' Chef Ismail, Dayah Bakar, Dr. Soo Wincci, Yasmin Hani, Atilia Haron, Kenchana Devi, Maria Tunku Sabri, Chef Sherson Lian, Nadia Annuar, Mas Idayu, Haziq Husni, Mimi Fly, Idzham Ismail and Dynas Mokhtar juga turut menyokong inisiatif Ramadan dan Hari Raya berdasarkan kemampunan ini dengan Sime Darby Property. Syarikat juga berkerjasama dengan Pos Malaysia, Sime Darby Motors and Tupperware Brands Malaysia.

Maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan *Go Green – Let's Celebrate Raya Sustainably* dan kempen Jom Raya oleh Sime Darby Property boleh didapati di [simedarbyproperty.com](http://simedarbyproperty.com) dan [instagram.com/simedarbyproperty](https://www.instagram.com/simedarbyproperty).

#### **-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampunan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2022, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

**Untuk maklumat lanjut, sila layari** [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Kontak Media:** Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

**Untuk pertanyaan lanjut, sila emel:** [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)